



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

## (LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

**LJT 6 Jld. 9/(32)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: secretary@ljt.org.my  
laman web: www.ljt.org.my

**31** Mac 2020  
**6** Syaaban 1441H

### Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### MAKLUMAT KAKITANGAN FIRMA JURUUKUR TANAH BERLESEN (JTB)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) amat prihatin terhadap kebijakan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) serta kakitangan mereka yang terkesan dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan bermula pada 18 Mac 2020 akibat daripada penularan wabak COVID-19 di negara kita. Pelaksanaan PKP ini telah memberi kesan kepada profession ukur tanah terutamanya firma JTB di mana mereka perlu membayar gaji dan emolumen kakitangan walaupun operasi perniagaan terpaksa ditutup.
3. Dalam menghadapi situasi sukar ini, LJT sedang mempertimbangkan kaedah dan bentuk subsidi yang dapat diberikan kepada JTB dan kakitangan mereka bagi meringankan beban ditanggung berdasarkan kepada kemampuan kewangan semasa LJT.
4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, pada masa ini LJT tidak mempunyai maklumat lengkap berkenaan bilangan kakitangan bagi setiap firma JTB. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan tiada mana-mana pihak yang tertinggal dalam pemberian subsidi ini maka pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon

untuk mengemukakan senarai kakitangan masing-masing beserta **Borang Caruman KWSP** yang terkini kepada LJT melalui email berikut: [nazimah.ib@ljt.org.my](mailto:nazimah.ib@ljt.org.my). Maklumat tersebut hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada **10 April 2020** untuk tindakan selanjutnya oleh LJT.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



(Sr ISMAIL BIN HARUN)

Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia